
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JPP 411 – Seminar Isu-Isu Pendidikan Semasa

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Jawab SOALAN 1 (SATU) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Soalan di Bahagian A diperuntukan 40 markah, dan setiap soalan di Bahagian B diperuntukan 30 markah.

BAHAGIAN A (soalan WAJIB)

1. Isu perpaduan merupakan cabaran penting dalam pembentukan dan perkembangan sistem pendidikan di Malaysia.

Bincangkan isu ini dengan mengesan perubahan-perubahan penting dalam sistem pendidikan negara yang berlaku dari zaman selepas merdeka hingga ke tuntutan Wawasan 2020.

(40 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan sahaja.

2. Apabila penglibatan dalam pendidikan tinggi dibuka kepada pihak industri pendidikan swasta, beberapa isu dan masalah telah timbul.

Jelaskan apakah masalah-masalah dan isu-isu itu dan bagaimanakah Akta Pendidikan 1996 dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dapat berfungsi untuk menangani masalah-masalah dan isu-isu itu.

(30 markah)

3. Bincangkan dua masalah yang menjadi isu utama penggunaan Information & Communication Technology (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Pada pandangan anda bagaimanakah cara-cara guru boleh mengatasi masalah ini?

(30 markah)

4. Tindakan bersifat jenayah oleh segelintir pelajar dengan melakukan pelbagai salahlaku ganas yang tidak pernah dilakukan sepuluh tahun dahulu, menunjukkan program yang lebih berkesan perlu difikirkan untuk membentuk sahsiah dan disiplin pelajar pada masa kini.

Rancangkan sebuah program pendidikan yang anda fikir dapat membantu pembentukan sahsiah dan disiplin pelajar di sekolah.

(30 markah)